A Singapore Government Agency Website

NewspaperSG

DIGITISED NEWSPAPER SEARCH TERM VISUALISER SAVED CITATIONS MICROFILM CATALOGUE

Our website will not be available on 26 January from 8.30pm to 10:30pm due to system maintenance. We apologise for any inconvenience caused.

Search Newspapers | Browse Newspapers

I am looking for

Advanced Search



# Pertandingan Bintang Radio akan tukar chara

Berita Harian, 22 July 1969, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL6053

Add to Citation



# Pertandingan Bintang Radio akan tukar chara

SINGAPURA, Isnin.

PERADUAN "Bintang Radio" yang telah di-anjorkan di-sini sejak beberapa tahun lalu telah di-tukarkan nama-nya kapada 'Johan 69" dengan di-perluaskan bidang-nya.

Peraduan 'Johan 69' ini, menurut Enche Zain Mahmud, Pegawai Kanan RTS, akan di-anjorkan dengan chara besar2an meliputi semua jenis bakat yang di-punyai oleh peminat2 seni sa-tempat.

Di-mulakan permohonan-nya mulai hari ini hingga 15 Ogos depan, peraduan 'Johan 69' ini di-bukakan kapada semua orang dalam semua nyanyian dan permainan muzik.

Penyanyi2 persaorangan, padu-suara, pemain2 muzik persaorangan dan berkumpulan saperti 'kugiran' boleh juga menyertai peraduan itu.

Sa-tiap penyanyi atau pemain muzik hendak-lah menyanyikan dan memainkan lagu2 Melayu dan Indonesia atau lagu2 sadoran yang bersenikata Melayu.

Lagu2 sa-barang ali-

**Information**



Newspaper: Berita Harian

Date: 22 July 1969

Reel Number: NL6053

Share

**Table of Contents**

< Previous | Page 7 | Next >

KHUTBAH: KHATIB2 YANG TIDAK KERJASAMA DI-KECHAM

KHUTBAH: KHATIB2 YANG TIDAK KERJASAMA DI-KECHAM GINGAPURA, Isnin. Mufti Singapura, Haji

Derma dari buroh K-api

Derma dari buroh K-api KUALA LUMPUR. Isnin. — Menteri Kebajikan Masharakat. Tan Sri Fatimah binti Haji

Pertandingan Bintang Radio akan tukar chara

Pertandingan Bintang Radio akan tukar chara

View Full Table of Contents

ran — Timor dan Barat — untok peraduan ini dibolehkan juga kapada peserta-nya dengan sharat lagu2 itu tanpa sabarang senikata-nya.

Sa-tiap peserta-nya di-bolehkan membawa lagu2 jenis langgam, pop, keronchong dan sa-bagai-nya kechuali lagu2 Melayu Asli.

Menurut Enche Zain istilah lagu2 Melayu Asli yang menjadi pegangan pehak RTS ia-lah lagu2 Melayu asli yang sering di-nyanyikan saperti Sri Mersing, Damak, Laksamana Mati di-Bunoh dan lain2.

## Lagu2 Melayu

Kerana itu, tambahnya, ada-lah sukar untok di-nilaikan kebaikan dan ketinggian mutu lagu2 Melayu Asli dengan lagu2 Melayu yang lain.

Mengenai hadiah2-nya Enche Zain menerangkan hadiah2 berupa wang tunai dari $3,000 sampai $100 akan di-berikan kapada pemenang2 pertama sampai pemenang kadua belas.

"Hadiah2 kali ini ada-lah lebeh besar dari tahun2 lalu," kata-nya.

"Ini ia-lah kerana hendak memberikan penghargaan yang sa-timpal kapada pemenang-nya kata-nya lagi.

Peraduan ini akan disiarkan melalui Radio dan TV.

Sa-banyak 12 perengkat permulaan akan diadakan.

Untok perengkat suku akhir 6, sa-paroh akhir 3 dan satu untok perengkat akhir.

Perengkat akhir dan penyampaian hadiahnya akan di-langsongkan di-panggong Negara pada Hari Raya Haji—sempena merayakan Hari Raya Haji.

Enche Zain menyeru peminat2 seni tidak kira bangsa dan ugama-nya —supaya menyertai peraduan 'Johan 69' ini.





ENCHE ZAIN MAHMUD
....hadiah lebeh besar

## Related Articles

No related article found.

National Library Board Singapore

Contact Us Feedback FAQ

...rt Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy Browser Compatibility

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019